

AAB

Mahathir - Pekerja

KUALITI TENAGA PEKERJA PENTING KEPADA KEJAYAAN EKONOMI, KATA PM

I

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, kualiti tenaga pekerja pada asasnya ialah unsur terpenting dalam usaha sesebuah negara mencapai kejayaan ekonomi dan kemakmuran.

"Pembangunan sumber manusia membawa maksud meningkatkan kualiti tenaga pekerja," katanya ketika merasmikan Institut Jerman-Malaysia, satu usahasama antara kerajaan Malaysia dan Jerman, di sini.

Dr Mahathir berkata, kerajaan memberikan tumpuan kepada pembangunan sumber manusia "kerana kami percaya penduduk merupakan sumber utama kami".

Mengikuti Rancangan Malaysia Keenam, kira-kira 13 peratus belanjawan pembangunan kerajaan persekutuan diperuntukkan bagi pendidikan dan latihan, katanya.

Ini merupakan peratusan yang tinggi bagi perbelanjaan pembangunan, dan setanding dengan semua standard antarabangsa, katanya. -- Lagi.

▼31/05/14-40MST

U GB 31-05 00148 BH233

AAB

Mahathir - Pekerja 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, selain daripada kerajaan, pendidikan dan latihan tenaga kerja negara membabitkan banyak pihak seperti majikan, pekerja, sekolah, institusi latihan, kesatuan sekerja dan juga ibu bapa.

"Pembangunan kemahiran, bagaimanapun, selalunya dilihat sebagai bidang tugas dan tanggungjawab kerajaan," katanya.

Beliau berkata, para pekerja juga perlu sedar mengenai tanggungjawab pembangunan sumber manusia mereka sendiri.

"Sekiranya pekerja kita mahu menyesuaikan diri kepada suasana kerja baru, mereka perlu mula memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan budaya kerja itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, para pekerja perlu berusaha meningkatkan taraf kehidupan mereka bukan semata-mata dengan menuntut kenaikan gaji tetapi menerusi peningkatan daya pengeluaran mereka.

Peningkatan daya pengeluaran bukan sahaja menerusi pertambahan modal, organisasi kerja lebih baik dan sikap kerja yang betul tetapi yang penting ialah dengan cara pekerja dan majikan melabur dalam pembangunan kemahiran. -- Lagi.

▼31/05/14-45MST

CNS9678

U GB 31-05 00141 BH238

AAB

Mahathir, - Pekerja 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, walaupun negara membangun seperti Malaysia terus menekankan pentingnya kos yang mampu berdaya saing dan perlunya menggalakkan daya pengeluaran menerusi kegigihan bekerja dan pengorbanan, terdapat usaha oleh sesetengah pihak untuk mengaitkan perdagangan dengan piawai buruh antarabangsa.

"Sekiranya usaha-usaha ini berjaya, pendapatan bagi segeleintir manusia akan meningkat tetapi sebahagian besar sudah pasti menganggur. Jurang perbezaan antara yang kaya dan yang miskin akan meningkat," katanya.

Beliau berkata, ciri-ciri penting dalam kecekapan ialah kecekapan sosial dan ini perlu dititik-beratkan kerana ia menyentuh teras sistem nilai moral.

"Pembangunan nilai-nilai dan sikap guna tenaga negara perlu dijadikan komponen penting dalam semua program latihan," katanya.

Dr Mahathir berkata, institusi latihan kemahiran perlu bekerjasama erat dengan industri untuk mengikuti kemajuan teknologi dalam industri dan keperluan guna tenaga. -- Lagi.

CNS9693

U GB 31-05 00169 BH241

AAB

Mahathir - Pekerja 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Ini perlu kerana kajian baru-baru ini mendapati di kebanyakan negara maju hampir separuh daripada kemahiran pekerja teknikal tidak lagi dapat dipakai dalam tempoh tiga hingga tujuh tahun pendidikan formal dan latihan.

Fenomena itu, yang disebabkan kepesatan perubahan teknologi, mengakibatkan pertukaran dalam jenis kerja, katanya.

Mengenai pengwujudan Institut Jerman-Malaysia (GMT), Dr Mahathir berkata, "ia diwujudkan pada waktu paling baik dalam sejarah ekonomi Malaysia".

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata, Malaysia menyambut baik pengwujudan institusi-institusi yang serupa di sini atas dasar usahasama kerana ia sejajar dengan langkah kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat bagi pendidikan.

Dr Mahathir berkata, beliau telah berbincang dengan Menteri Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan Jerman, Encik Carl-Dieter Spranger, yang hadir pada majlis itu, mengenai kemungkinan institusi pengajian tinggi tempatan mempunyai program berkembar dengan universiti dan institusi pengajian tinggi di Jerman.

Spranger kemudian memberitahu pemberita bahawa kerajaan Jerman akan mengkaji permintaan itu. -- Bernama.

ES AKD KAM.

▼31/05/16-06MST